PENDAHULUAN

Manusia bekerja dan berusaha keras siang dan malam untuk mencari kesenangan dan keselesaan hidup.

Menjadi lumrah manusia mendambakan kehidupan yang serba mewah.

Rata-ratanya masyarakat terpaksa berhutang atau membuat pinjaman kewangan untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa.

Seseorang boleh berhutang tetapi jumlah hutang tersebut mestilah berkadaran dengan jumlah pendapatan individu tersebut.

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

1. Tidak digalakkan untuk umat islam berhutang atau membuat pinjaman kewangan bagi tujuan berlebih-lebihan.

2. Amalan berhutang akan memberi kemudaratan kepada diri dan ahli keluarga.

3. Umat islam digalakkkan mengamalkan kehidupan secara wasatiyyah atau bersederhana dan mengamalkan sikap qana'ah.

4. Dosa orang yang tidak menjelaskan hutangnya begitu berat lebih--lebih lagi dalam situasi sekiranya hutangnya itu dilipat gandakan dengan riba.

5. Individu yang berhutang akan berasa keresahan tekanan perasaan.

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

Al-Ariyah	Al-Qard
Pemberian satu barangan oleh pemberi pinjam kepada peminjam.	Pemindahan pemilikan barangan yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan atau timbangan.
Peminjam tidak bertanggu-ngjawab terhadap sebarang kerosakan kecuali berpunca daripada peminjam sendiri.	Kesan transaksi menyebabkan wujudnya keberhutangan daripada pihak penghutang kepada pemiutang.
Hanya melibatkan barangan yang tidak musnah dan boleh dikembalikan dalam keadaan asal.	Peminjam hendaklah memula-ngkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan benda yang asal.
Hak pemilikan barang tersebut kekal pada pemberi pinjaman.	Orang Arab menyebut salaf iaitu pinjaman yang dibayar balik kepada pemiutang tanpa syarat keuntungan.

DEFINISI AL-QARD

Bahasa: Al-Qat'u (potong)

Istilah: Penyerahan sesuatu barang kepada penghutang daripada pemiutang dengan syarat barang tersebut mempunyai sama nilai dengannya tanpa sebarang penambahan.

Dikategorikan sebagai akad **tabarru'** iaitu kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan.

LARANGAN RIBA

1. Larangan riba telah dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 275.

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

Maksudnya: Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.

2. Rasulullah telah melaknat orang yang memakan riba, menjadi agen, mencatat transaksi dan menjadi saksi

3. Melakukan riba merupakan dosa besar di sisi Allah SWT.

PRINSIP AL-QARD AL-HASSAN

1. Al-Qard al-hassan bermaksud pinjaman yang baik.

2. Perbuatan seseorang untuk menunjukkan keprihatinannya dalam membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan wang.

3. Peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.

RUKUN AL-QARD

1. Pemiutang (orang yang memberi pinjaman).

2. Penghutang/peminjam.

3. Barang yang dipinjam.

4. Sighah (lafaz ijab dan qabul)

HUKUM AL-QARD AL-HASSAN

Hukumnya adalah **sunat**.

Harus bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup.

Tidak harus memberikan pinjaman sekiranya untuk tujuan haram atau maksiat.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
https://readable.com